



PELAN STRATEGIK ORGANISASI
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2021 – 2025

Ke Arah Kesejahteraan Rakyat

Kementerian Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Telefon: +603 8000 8000
Faks: +603 2711 3320

ISBN 978-967-5399-24-4



PELAN STRATEGIK ORGANISASI

P
S
O

2021 – 2025

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Ke Arah Kesejahteraan Rakyat

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 dirangka sebagai garis panduan hala tuju KKR dalam kesinambungan agenda pembangunan negara.





© Kementerian Kerja Raya 2020

Kementerian Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Telefon: +603 8000 8000
Faks: +603 2711 3320

Penafian:
Kementerian Kerja Raya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang diakibatkan oleh penggunaan maklumat yang terdapat dalam penerbitan ini.

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025

ISBN 978-967-5399-24-4



Rekaan kulit buku ini melambangkan infrastruktur yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya yang sentiasa menitikberatkan elemen inovasi, kreatif dan mesra alam. Warna biru langit memberi inspirasi dan harapan ke arah kesejahteraan rakyat. Corak berlian ialah simbol yang digunakan pada papan tanda untuk lalu lintas jalan persekutuan, jalan negeri dan lebuh raya.

KANDUNGAN

Perutusan Menteri Kanan Kerja Raya	4	4 : PENUTUP	
Prakata Ketua Setiausaha	5	Faktor Penentu Kejayaan	85
Ringkasan Eksekutif	7	Penutup	92
Kerangka PSO KKR 2021 – 2025	8	Glosari	94
1 : PENGENALAN		Pasukan Editorial	98
Latar Belakang	12	Sekalung Penghargaan	99
Punca Kuasa dan Akta	15	Direktori Kementerian Kerja Raya	100
Pelanggan, Rakan Strategik KKR dan Pihak Berkepentingan	16		
Fungsi dan Peranan KKR Serta Agensi	18		
Struktur Organisasi	22		
2 : ANALISIS PERSEKITARAN & CABARAN SEMASA			
Analisis Persekitaran dan Cabaran Semasa	27		
Analisis Dalaman dan Analisis Luaran	36		
3 : HALA TUJU STRATEGIK			
Visi, Misi dan Moto KKR	41		
Nilai-nilai Bersama	42		
TERAS 1	44		
TERAS 2	54		
TERAS 3	62		
TERAS 4	72		





PERUTUSAN MENTERI KANAN KERJA RAYA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Tahun 2021 merupakan tahun kebangkitan semula semua lapisan masyarakat Malaysia sama ada pekerja sektor perkilangan, peruncitan, perkhidmatan, pembinaan, para usahawan dan peniaga kecil termasuklah pekerja sektor awam untuk merangsang semula ekonomi ke arah yang lebih mantap pada masa hadapan. Pembudayaan norma baharu amat penting bagi memastikan Malaysia dapat terus bergerak maju ke hadapan. Pemulihan ekonomi menjadi agenda utama negara bagi memastikan kemakmuran rakyat berbilang bangsa terpelihara.

Oleh itu, Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) telah memfokuskan sumbangan industri pembinaan dalam pemulihan semula ekonomi Malaysia bagi merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 baharu telah mengambil kira analisis persekitaran dan cabaran-cabaran isu semasa seperti penggunaan teknologi digital dan lestari dalam pembangunan dan penyenggaraan jalan raya, lebuhraya serta Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP). Selain itu, kerjasama strategik Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama institusi awam dan swasta bagi melahirkan personel industri pembinaan warga tempatan akan mengisi peluang pekerjaan berkualiti yang akan diwujudkan dalam sektor pembinaan negara.

Tuntutan pelanggan yang semakin meningkat dan mencabar memerlukan perancangan strategik yang holistik dan hendaklah disampaikan dengan segera selaras dengan norma baharu.

Kaedah penyampaian perkhidmatan kepada rakyat oleh KKR dan agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan tiga (3) Lembaga Profesional akan ditransformasikan melalui penggunaan teknologi digital serta lestari bagi memastikan projek yang dirancang dapat memberikan manfaat secara optimum kepada rakyat.

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 dirangka berdasarkan dasar dan polisi semasa kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Revolusi Industri 4.0 serta dasar KKR yang sedang dirancang seperti Dasar Pembinaan Negara 2030 dan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya (DPJL) akan menjadi dokumen penting untuk menunjukkan komitmen KKR serta agensi dalam memacu semula industri pembinaan ke arah merangsang ekonomi negara. Semoga semua program yang dirancang melalui PSO KKR 2021 – 2025 dapat memenuhi aspirasi rakyat yang ingin melihat Malaysia terus maju dan makmur.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kanan Kerja Raya



PRAKATA KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Landskap dan ekosistem pembangunan negara telah berubah selari dengan kepesatan pembangunan teknologi digital menjadikan fungsi dan peranan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat semakin mencabar. Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) dihasilkan dengan mengadaptasi teknologi pendigitalan dalam industri pembinaan supaya dapat menyumbang secara lebih signifikan ke arah pencapaian Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Visi, Misi dan Moto KKR yang jelas dan telus akan menjadi hala tuju utama dan rujukan seluruh warga kerja KKR dan Agensi dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Peranan serta fungsi setiap bahagian dan agensi di KKR akan digerakkan secara bersepadu dalam pasukan yang lebih berintegriti, responsif, profesional dan inovatif. Sumber-sumber yang terhad seperti kewangan dan sumber manusia hendaklah digunakan secara cekap dan optimum agar dapat mencapai keberhasilan dan impak yang dihasratkan oleh rakyat.

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) telah menggariskan empat (4) teras strategik yang memberikan tumpuan terhadap memperkukuh pembangunan infrastruktur, memperluas penggunaan teknologi digital dalam pembangunan dan penyenggaraan, memperkasakan kapasiti dan kebolehan serta daya saing sektor pembinaan serta memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Teras-teras tersebut akan disokong dengan 16 strategi serta 61 pelan tindakan yang akan sentiasa disusuli dengan pemantauan dan penilaian terhadap apa-apa yang dilaksanakan agar sejajar dengan aspirasi kementerian.

Diharapkan seluruh warga kerja KKR dan Agensi dapat menghayati sepenuhnya hala tuju PSO KKR 2021 – 2025 dan menterjemahkannya dengan menjayakan pelan tindakan yang dirancang.

Kementerian akan terus memainkan peranan sebagai pemacu dalam membangunkan kemudahan infrastruktur serta ejen perubahan dalam industri pembinaan negara bagi merangsang ekonomi. Saya percaya seluruh warga kerja mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk menjadikan KKR sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang.

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) ialah kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2016 – 2020. Menyedari kepentingan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan, pelan strategik baharu ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih inklusif serta hala tuju yang lebih jelas bagi projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan.

Selaras dengan visi KKR sebagai Peneraju Pembangunan Infrastruktur dan Industri Pembinaan Negara, pelan strategik ini diterjemahkan dalam bentuk pelan-pelan tindakan yang terpilih dari fungsi-fungsi utama yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2021 sehingga 2025.

Tempoh pelaksanaan pelan strategik ini amat penting ke arah mencapai matlamat utama Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, iaitu untuk menyediakan taraf hidup yang seimbang kepada semua peringkat sosioekonomi rakyat Malaysia pada tahun 2030. Pelan strategik yang dirangka ini juga memfokuskan pendigitalan dalam industri pembinaan selaras dengan norma baharu dan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Mengandungi empat (4) teras strategik, 16 strategi dan 60 pelan tindakan dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan, pemain industri dan badan profesional. Teras strategik yang akan menjadi tiang kepada pelaksanaan pelan ini adalah seperti yang berikut:

- TERAS 1** **Memperkuh pembangunan infrastruktur dan keterangkuman wilayah.**
- TERAS 2** **Memperluas penggunaan teknologi, inovasi dan digital dalam pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur.**
- TERAS 3** **Memperkasakan kapasiti, kebolehan dan daya saing sektor pembinaan.**
- TERAS 4** **Memantapkan tadbir urus organisasi untuk mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.**

Pelan strategik ini turut mengambil kira cabaran-cabaran semasa dan akan datang, antaranya termasuklah projek untuk merangsang ekonomi, kemajuan teknologi, inovasi dan pendigitalan dalam industri pembinaan, pengintegrasian data dan perkongsian maklumat yang lebih komprehensif, perubahan norma baharu penyampaian perkhidmatan kerajaan dan inisiatif yang memberikan impak positif kepada alam sekitar.

Mengambil kira perubahan dan cabaran yang akan dihadapi, KKR yang disokong oleh agensinya, iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) bersama-sama telah menyediakan hala tuju yang jelas bagi tempoh lima (5) tahun akan datang.

Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 ini ialah komitmen kementerian dan agensi-agensinya dalam memacu aspirasi kerajaan serta merealisasikan sasaran yang ditetapkan bagi memenuhi kehendak rakyat. Kejayaan pelan strategik ini akan memberi impak yang positif kepada rakyat untuk menikmati kemudahan infrastruktur kerajaan yang lebih berkualiti, selesa dan selamat.

VISI

Peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara

MISI

- ◆ Memperkasakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan aset menyeluruh
- ◆ Memperluas pendigitalan industri pembinaan

MOTO

Ke Arah Kesejahteraan Rakyat

KERANGKA PSO KKR 2021 – 2025

TERAS
1

TERAS
2

TERAS
3

TERAS
4

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KETERANGKUMAN WILAYAH

Pelan Tindakan

STRATEGI

- | | | |
|---|---|---|
| 1 | Mempertingkatkan Keberhasilan Penyampaian Perkhidmatan dan Pelaksanaan Projek Infrastruktur | 7 |
| 2 | Mempertingkatkan Penggunaan Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan dalam Mengoptimumkan Impak Positif Projek Kerajaan Terhadap Kemakmuran Rakyat | 4 |
| 3 | Mempertingkatkan Penggunaan Teknologi Hijau dalam Industri Pembinaan | 2 |
| 4 | Memperluas Jajaran dan Rangkaian Jalan Raya serta Lebuhraya Secara Bersepadu | 1 |

MEMPERLUAS PENGGUNAAN TEKNOLOGI, INOVASI DAN DIGITAL DALAM PEMBANGUNAN DAN PENYENGGARAAN INFRASTRUKTUR

Pelan Tindakan

STRATEGI

- | | | |
|---|--|---|
| 1 | Membangunkan dan Memperkasakan Dasar dan Garis Panduan Infrastruktur | 1 |
| 2 | Membina dan Memperhebat Sistem serta Teknologi Infrastruktur | 8 |
| 3 | Mempertingkatkan Pemantauan dan Kawalan Infrastruktur | 1 |
| 4 | Mempertingkatkan Keselamatan dan Keselesaan Infrastruktur | 3 |

MEMPERKASAKAN KAPASITI, KEMAMPUAN DAN DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN

Pelan Tindakan

STRATEGI

- | | | |
|---|---|---|
| 1 | Mempertingkatkan Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan | 3 |
| 2 | Mempertingkatkan Kompetensi Tenaga Kerja dan Profesional dalam Industri Pembinaan | 8 |
| 3 | Mempertingkatkan Daya Saing Industri Pembinaan pada Peringkat Antarabangsa | 3 |
| 4 | Memperkasakan Kapasiti Data Raya dan Daya Saing Sektor Pembinaan | 3 |

MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Pelan Tindakan

STRATEGI

- | | | |
|---|---|---|
| 1 | Mempertingkatkan Kecekapan Pengurusan, Kompetensi Modal Insan dan Profesionalisme | 6 |
| 2 | Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan melalui Teknologi | 3 |
| 3 | Memantapkan Pengurusan Akaun, Audit, Kewangan dan Perolehan | 3 |
| 4 | Mempertingkatkan Imej Korporat dan Memperkasakan Jaringan Komunikasi Strategik | 5 |

Pengenalan

1

Pelan Strategik Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 ialah kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2016 – 2020.

Kandungan:

Latar Belakang	12
Punca Kuasa dan Akta	15
Pelanggan, Rakan Strategik KKR dan Pihak Berkepentingan	16
Fungsi dan Peranan KKR serta Agensi	18
Struktur Organisasi	22





LATAR BELAKANG

Kementerian Kerja Raya (KKR) bertanggungjawab melaksanakan projek infrastruktur awam di negara ini. Peranan, tanggungjawab dan sumbangan Kementerian dalam pembangunan fizikal negara mempunyai hubung kait dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1872.

Pada tahun 1954, Kerajaan Inggeris telah mengambil langkah memisahkan

pentadbiran Tanah Melayu (Malaya) daripada pentadbirannya yang berpusat di Singapura. Perkara ini merupakan detik permulaan jabatan-jabatan kerajaan di Tanah Melayu dibenarkan melaksanakan dasar dan program masing-masing. Pada tahun 1956, Ketua Menteri dan beberapa orang Menteri telah dilantik mengetuai Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.


Pada tahun yang sama, beberapa kementerian telah diwujudkan termasuklah KKR dengan nama asalnya Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom. Menteri pertama yang mengetuai Kementerian ini ialah Yang Berhormat Tuan Sardon bin Haji Jubir. Fungsi dan tanggungjawab JKR telah dikekalkan dan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian ini. Pada tahun 1972, nama Kementerian telah

diubah kepada Kementerian Kerja Raya dan Tenaga selaras dengan penyusunan semula Jemaah Menteri pada masa itu.

Kementerian ini telah disusun semula dan dinamakan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan pada tahun 1975, selaras dengan peranan dan tugas baru yang melibatkan sistem pengangkutan jalan raya. Seterusnya, nama Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-Kemudahan Awam digunakan pada tahun 1976 selaras dengan perkembangan pesat sosioekonomi negara. Walau bagaimanapun, pada tahun 1983 selari dengan pengkhususan tanggungjawab, kerajaan telah mengambil keputusan menamakan Kementerian dengan nama Kementerian Kerja Raya dan kekal sehinggalah sekarang.

Terdapat enam (6) agensi yang bernaung di bawah KKR:

1872		1972	
	Jabatan Kerja Raya		Lembaga Jurutera Malaysia
1972		1980	
	Lembaga Arkitek Malaysia		Lembaga Lebuhraya Malaysia
1972		1994	
	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia		Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia



PUNCA KUASA DAN AKTA

- 1 Senarai 1 dan 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan
- 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2]: Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013
- 3 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (semakan 1973) [Akta 120]
- 4 Akta Jalan Persekutuan 1959 (Disemak 1989) [Akta 376]
- 5 Kanun Tanah Negara 1965
- 6 Akta Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306]
- 7 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]
- 8 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358]: Perwakilan Kuasa di Bawah Seksyen 77, 84, 85 dan 85A
- 9 Akta Pengangkutan Jalan 1987
- 10 Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 231]
- 11 Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [Akta 520]
- 12 Akta Pendaftaran Jurutera [Akta 138]
- 13 Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015) [Akta 117]
- 14 Akta Juruukur Bahan 1967 [Akta 487]
- 15 Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1982: Kedudukan Menteri, Kementerian, Ketua Setiausaha, dan Ketua Agensi Sesebuah Kementerian
- 16 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998: Kedudukan Menteri, Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
- 17 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998: Kedudukan Menteri, Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
- 18 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2012
Gred Pendaftaran Kontraktor Kerja
- 19 Akta Tol (Jalan Raya dan Jambatan) 1965
- 20 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2012

PELANGGAN, RAKAN STRATEGIK KKR DAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PIHAK BERKEPENTINGAN



1 PIHAK BERKEPENTINGAN	2 PELANGGAN DALAMAN	3 PELANGGAN LUARAN
➤ Memberikan pulangan modal yang efektif selari dengan Dasar Pembangunan Nasional. ➤ Kerjasama antara agensi kerajaan. ➤ Tenaga kerja yang berkualiti. ➤ Meningkatkan ekonomi negara. ➤ Menggalakkan pelaburan asing. ➤ Polisi yang menyokong industri. ➤ Meneraju teknologi pembinaan. ➤ Pembangunan infrastruktur negara. ➤ Kreativiti dan inovasi. ➤ Kepentingan strategik.	➤ Menambah baik dan mempermudah akta dan peraturan. ➤ Dasar dan hala tuju yang jelas. ➤ Jaminan kualiti. ➤ Penambahbaikan teknik pembinaan dan kejuruteraan. ➤ Khidmat nasihat dan jururunding. ➤ Mengeksport perkhidmatan pembinaan. ➤ Penyelidikan dalam teknologi pembinaan. ➤ Pembangunan tenaga manusia. ➤ Kerjasama dan kolaborasi.	➤ Penyampaian perkhidmatan berkualiti. ➤ Infrastruktur yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. ➤ Keselamatan. ➤ Kos efektif. ➤ Jalanan jalan raya/lebuhraya yang inklusif. ➤ Mengurangkan kesesakan lalu lintas. ➤ Integriti dan ketelusan. ➤ Meningkatkan taraf hidup dan kualiti masyarakat.

FUNGSI DAN PERANAN KKR SERTA AGENSI



Kementerian Kerja Raya

- 1 Mengkaji, merancang, menilai dan menggubal dasar-dasar baharu untuk industri pembinaan (infrastruktur dan bangunan) selaras dengan pembangunan negara.
- 2 Menyelaras, mengurus serta meningkatkan kompetensi sumber manusia dan kewangan.
- 3 Merancang dan melaksanakan projek infrastruktur negara khususnya jalan raya, lebuhraya dan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP).
- 4 Memastikan semua projek pembangunan di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya dilaksanakan mengikut jadual dan kos yang ditetapkan.
- 5 Mengawal selia dan memantau kontrak penyenggaraan jalan raya, cerun di Jalan Persekutuan serta Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di bawah kawalan KKR.
- 6 Menerajui pelaksanaan Intelligence Transportation System (ITS) negara bagi meningkatkan keberkesanan rangkaian jalan raya, keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.
- 7 Menyelaras agenda di bawah Kluster Infrastruktur.



Jabatan Kerja Raya

- 1 Merancang, mereka bentuk, mengurus dan menyelia projek infrastruktur seperti projek jalan, bangunan kerajaan, lapangan terbang, pelabuhan dan jeti.
- 2 Melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur kepada pelbagai kementerian, jabatan, badan berkanun dan kerajaan negeri.
- 3 Berfungsi sebagai agensi teknikal dengan memberikan khidmat nasihat teknikal kepada kerajaan pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah.
- 4 Menjadi peneraju dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kecemerlangan kejuruteraan menerusi CREaTE.



Lembaga Lebuhraya Malaysia

- 1

Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 [Akta 237].
- 2

Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan lebuhraya di bawah perjanjian konsesi.
- 3

Menyelia dan melaksanakan reka bentuk, pembinaan dan penyenggaraan kawasan rehat dan kemudahan lain yang difikirkan perlu di sepanjang lebuhraya.
- 4

Memungut tol daripada pengguna lebuhraya dan bayaran lain daripada kemudahan di sepanjang lebuhraya.
- 5

Melaksanakan apa-apa juga perkara untuk memajukan lagi lebuhraya dan kemudahan lain di sepanjang lebuhraya.



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

- 1

Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 [Akta 520].
- 2

Memaju dan merangsang pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan.
- 3

Menyelaras, membangun dan mengkaji semula program latihan bagi pekerja binaan mahir dan penyelia tapak binaan.
- 4

Mendaftar dan mengakreditasi kontraktor, mengenakan apa-apa syarat pendaftaran dan akreditasi kontraktor serta membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran dan akreditasi kontraktor.
- 5

Mendaftar, mengakreditasi dan memperakukan personel industri binaan serta membatalkan, menggantung atau mengembalikan semula pendaftaran, akreditasi dan perakuan personel industri pembinaan tersebut.
- 6

Memaju, merangsang dan membantu dalam pengeksporan perkhidmatan berhubung dengan industri pembinaan.



Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

- 1

Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Juruukur Bahan 1967.
- 2

Pendaftaran ahli profesional.
- 3

Penyelarasan Kelayakan Kursus dan Ijazah Kejuruteraan/ Teknologi.
- 4

Penetapan kod etika profesional.
- 5

Penetapan fi atas perkhidmatan profesional yang diberikan.
- 6

Khidmat rundingan.
- 7

Penetapan kelayakan akademik bagi kursus ijazah yang berkaitan.



Lembaga Arkitek Malaysia

- 1

Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Arkitek 1967.
- 2

Pendaftaran ahli profesional.
- 3

Penetapan kod etika profesional.
- 4

Penetapan akreditasi/kelayakan akademik bagi kursus ijazah yang berkaitan.



Lembaga Jurutera Malaysia

- 1

Melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967.
- 2

Pendaftaran ahli profesional.
- 3

Penyelarasan Kelayakan Kursus dan Ijazah Kejuruteraan/ Teknologi.
- 4

Penetapan kod etika profesional.
- 5

Penetapan fi atas perkhidmatan profesional yang diberikan.
- 6

Khidmat rundingan.
- 7

Penetapan kelayakan akademik bagi kursus ijazah yang berkaitan.

STRUKTUR ORGANISASI

- 1

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha
- 2

Datuk Badrul Hisham bin Mohd
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)
- 3

Dato' Ahmad Nadzri bin Embong
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- 4

Dato' Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman
Ketua Pengarah Kerja Raya Jabatan Kerja Raya
- 5

Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia
- 6

Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- 7

Datuk Ir. Razdwan bin Kasim
Timbalan Ketua Pengarah (Pakar) Jabatan Kerja Raya
- 8

Dato' Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Timbalan Ketua Pengarah (Infra) Jabatan Kerja Raya
- 9

Lim Kui Lee
Ketua Penasihat Undang-undang Pejabat Penasihat Undang-undang
- 10

Dr. Zaharuddin bin Zainal Abidin
Ketua Audit Dalam Unit Audit Dalam
- 11

Seng Chuan a/I Din Wan
Pegawai Unit Integriti
- 12

Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah
Setiausaha Bahagian Bahagian Pembangunan dan Penswastan
- 13

Izamael Zamzuri bin Ismail
Setiausaha Bahagian Bahagian Kewangan
- 14

Helena Remeo
Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Fasiliti
- 15

Anaresa binti Muhammad Dain
Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- 16

Norhaslina binti Muhamad
Ketua Akauntan Bahagian Akaun
- 17

Zurifah binti Zuhairon
Setiausaha Bahagian Bahagian Khidmat Pengurusan
- 18

Rahamzan bin Hashim
Setiausaha Bahagian Bahagian Pengurusan Maklumat
- 19

Ainul Ridzwan bin Zainudin
Setiausaha Bahagian Bahagian Perancangan Korporat
- 20

Noreha binti Mohd Ripin
Ketua Komunikasi Korporat Unit Komunikasi Korporat
- 21

Sr Kamarudin bin Sulaiman
Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
- 22

Ar. Azman bin Md. Hashim
Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Arkitek Malaysia
- 23

Ir. Gopal Narian Kutty
Lembaga Jurutera Malaysia
- 24

Kosong
Setiausaha Bahagian Bahagian Dasar dan Antarabangsa
- 25

Kosong
Setiausaha Bahagian Bahagian Perancang Jalan



Analisis Persekitaran & Cabaran Semasa

2

Analisis persekitaran dan cabaran semasa bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan peluang bagi setiap teras perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi memberi perkhidmatan kepada rakyat. Selain itu, analisis persekitaran dalam suasana ekonomi semasa membantu organisasi untuk mengenal pasti kelemahan dan ancaman bagi setiap teras perkhidmatan dan mengenal pasti program-program yang mempunyai nilai inovasi.

Kandungan:

Analisis Persekitaran dan Cabaran Semasa	27
Analisis Dalaman dan Analisis Luaran	36





“Pemantauan dan penilaian terhadap semua inisiatif dengan lebih sistematik tentunya akan dapat memastikan momentum perubahan dapat dihidupkan berterusan tanpa putus di tengah jalan.”

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

ANALISIS PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA

Kementerian Kerja Raya (KKR) ialah agensi yang dipertanggungjawabkan dalam merancang, melaksanakan serta menyenggara projek infrastruktur negara khususnya Jalan Persekutuan dan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) serta mengawal selia pembinaan lebuh raya, konsesi dan penyenggaraan lebuh raya yang diswastakan.

Selain itu, cabaran utama KKR adalah bagi mengembangkan industri pembinaan dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan dalam industri pembinaan. Pada tahun 2021 hingga 2025, kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan berkembang semula pada paras sederhana dan industri pembinaan dijangka dapat merangsang ekonomi negara. Menyedari hakikat tersebut, pendekatan dan kaedah yang terkini perlu dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan masyarakat yang semakin dinamik dan kompleks terutamanya berkaitan dengan isu keselamatan dan keselesaan jalan raya serta kemudahan infrastruktur kerajaan.

Selaras dengan usaha kerajaan ke arah merealisasikan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, terdapat beberapa isu dan cabaran yang dihadapi berkaitan dengan industri pembinaan dan penyediaan kemudahan infrastruktur kepada rakyat seperti yang berikut:



Kementerian Kerja Raya dan Agensi mempunyai asas kekuatan dari segi sumber manusia yang berpengalaman serta berpengetahuan luas dalam pembangunan infrastruktur negara. KKR akan menjadi peneraju penggunaan teknologi digital dan teknologi lestari dalam pembangunan dan penyenggaraan jalan raya, lebuh raya serta Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) serta industri pembinaan bagi memaksimumkan impak positif projek kerajaan dan swasta terhadap kemakmuran rakyat.

Rumusan



Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan nilai kerja pembinaan berjumlah RM146.4 bilion pada tahun 2019.



Penggunaan teknologi yang terhad menjadi cabaran utama dalam industri pembinaan negara.



Dasar Pembinaan Negara 2030 akan memacu industri ke arah yang lebih lestari dan berdaya tahan.

CABARAN

Industri pembinaan sentiasa memberikan sumbangan besar kepada pengukuhan dan merangsang ekonomi negara. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor ini merekodkan nilai kerja pembinaan RM146.4 bilion pada tahun 2019, iaitu pertumbuhan sebanyak 0.6% berbanding dengan RM145.5 bilion pada tahun sebelumnya.

Sebagai sektor penting kepada kemajuan negara, industri pembinaan perlu mencapai tahap produktiviti tinggi melalui penerapan teknologi baharu dan amalan moden yang cekap serta tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi.

Sebagai contoh, teknologi seperti Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System - IBS), Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Management - BIM), serta teknologi berasaskan Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0) seperti robotik, automasi, data raya, Internet benda (Internet of Thing - IoT), realiti maya (Virtual Reality - VR) dan kecerdasan buatan (Artificial Intelligence - AI) dapat diadaptasi dalam industri pembinaan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi digital seperti BIM agak terhad disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kos dan kekurangan personel berkemahiran yang mampu menyediakan pelan BIM. Perkara ini menjadi cabaran utama dalam meningkatkan penggunaan teknologi digital dalam industri pembinaan negara.

ANALISIS

Namun, cabaran tersebut tidak boleh dijadikan halangan dalam penggunaan teknologi yang inovatif dan lestari dalam industri pembinaan negara. Sebagai contoh, kejayaan pembinaan Jalan Pintasan Rawang yang menggunakan teknologi inovatif dan lestari telah berjaya meminimumkan impak alam sekitar.

Pengenalan kepada Dasar Pembinaan Negara 2030 yang sedang dirangka dan bermatlamat ke arah pendigitalan industri pembinaan pasti akan memacu industri pembinaan Malaysia ke arah kelestarian dan berdaya tahan.





Kementerian Kerja Raya perlu bertindak seiring dengan perubahan persekitaran, dasar semasa pembangunan negara dan dalam memenuhi tuntutan pelanggan yang semakin meningkat. Kementerian bersama Agensi di bawahnya selaku pakar teknikal kerajaan dalam pembinaan dan pembangunan infrastruktur perlu mempunyai perancangan holistik dalam memacu pembangunan sektor pembinaan dan infrastruktur yang dapat menyumbang kepada kemajuan sosial dan ekonomi rakyat tempatan.

Rumusan



Direkodkan jumlah jalan raya dan lebuh raya ialah sepanjang 256,497.842km di Malaysia pada 2019.



Jumlah jalan raya dan lebuh raya yang sedia ada masih belum memenuhi keperluan sebenar antara bandar dan kawasan luar bandar.



Dijangkakan hala strategik pembangunan jalan raya dan lebuh raya akan ditentukan oleh penggubalan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuh Raya.

CABARAN

Dalam mengagihkan kemakmuran dan pembangunan negara kepada seluruh rakyat Malaysia, akses jalan raya serta lebuh raya sentiasa menjadi tumpuan dalam kalangan rakyat yang tinggal di bandar atau luar bandar kerana kesan limpahan ekonomi yang bakal dinikmati dalam tempoh terdekat atau untuk tempoh jangka masa panjang.

Sehingga 31 Disember 2019, jumlah jajaran Jalan Persekutuan ialah sepanjang 19,912.086 km termasuk 2,016.050 km lebuh raya bertol. Bagi jalan negeri pula, jumlah panjang jalan ialah sepanjang 236,581.527 km. Oleh itu, jumlah keseluruhan jalan raya dan lebuh raya di Malaysia ialah sepanjang 258,509.663 km.



Namun, jumlah ini masih lagi tidak dapat memenuhi keperluan sebenar jaringan jalan raya dan lebuh raya untuk menghubungkan bandar utama dengan kawasan luar bandar. Peningkatan kualiti jalan raya yang sedia ada juga masih perlu diberikan perhatian serius bagi meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.



ANALISIS

Oleh itu, peningkatan akses jaringan jalan raya, lebuh raya yang lebih meluas antara bandar dan kawasan luar bandar wajar diberikan perhatian serius oleh kerajaan bagi membolehkan semua peringkat masyarakat dapat menikmati limpahan ekonomi yang akan merapatkan lagi jurang pendapatan rakyat serta mengecilkan jurang pembangunan antara wilayah.

Sebagai contoh, pembinaan jambatan angkat (*draw bridge*) yang menghubungkan Kuala Terengganu dengan Kuala Nerus tidak hanya menjadi jalan penghubung tetapi juga menjadi daya tarikan pelancong dan memberikan kesan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat.

Penggubalan Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuh Raya yang akan menentukan hala tuju strategik pembangunan jalan raya dan lebuh raya di negara ini wajar dijadikan panduan am dalam perancangan dan pembinaan jalan raya bagi kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak swasta.

3

Peningkatan kepakaran tenaga pelatih yang mampu melahirkan lebih ramai personel industri pembinaan tempatan serta peluang kerjasama strategik dengan institusi latihan awam dan swasta bagi mengurangkan kebergantungan tenaga pekerja asing dalam industri pembinaan negara. Selain itu, peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat tempatan dalam industri pembinaan dapat diwujudkan sekali gus merangsang pelan pemulihan ekonomi negara.

What is the process of BIM?

Plan

Project planning relies on capturing real-world data from pre-existing environments.

Design

All areas of design are performed, and are taken into consideration for scheduling and logistics.

Build

Data is carried over/ stored and used for maintenance, renovation, or efficient deconstruction.

Operate

Timing and efficiency are managed by sharing construction logistics with trades and contractors.

Rumusan

Daripada 1.002 juta pekerja dalam industri pembinaan, 41.68% ialah warga asing.

Sehingga November 2020, seramai 800,000 orang rakyat Malaysia sedang mencari pekerjaan.

3D → IR4.0

Mentaliti 3D (*dangerous, dirty & difficult*) dalam industri pembinaan beralih ke arah IR 4.0 bagi menggalakkan belia menceburkan diri dalam industri pembinaan.

CABARAN

Kini, terdapat enam (6) sektor pekerjaan yang dibenarkan untuk mengambil pekerja asing, iaitu lima (5) sektor formal merangkumi sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal, iaitu pembantu rumah asing.

Berdasarkan statistik, terdapat 420,000 pekerja asing yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bersamaan 41.68% dalam industri pembinaan. Pembabitan tenaga kerja tempatan pula ialah 582,000 orang bersamaan 58.32% daripada jumlah keseluruhan sebanyak 1.002 juta pekerja.

Anggarannya, jika seorang pekerja asing dalam industri pembinaan menghantar kiriman wang ke luar negara RM1,000 sebulan, hampir RM5 bilion wang mengalir ke luar negara dan tidak dibelanjakan semula dalam ekonomi negara kita pada setiap tahun. Situasi ini amat merugikan negara kerana tidak akan memakmurkan sektor perniagaan yang lain.

ANALISIS

Selain itu, pengurangan kebergantungan pekerja asing wajar dilaksanakan bagi mengatasi masalah pengangguran dalam negara akibat kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Sehingga November 2020, anggaran seramai 800,000 orang rakyat Malaysia tidak mempunyai pekerjaan. Keadaan ini sedikit banyak telah menimbulkan keresahan dalam masyarakat.

Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensi perlu mengenal pasti pendekatan baharu untuk menarik pekerja tempatan mengisi kekosongan jawatan dalam industri pembinaan dengan cadangan supaya sektor pekerjaan itu perlu dijenamakan semula. Mentaliti bahawa bekerja dalam industri pembinaan melibatkan 3D (*dangerous, dirty, difficult*) hendaklah dikikis kerana negara kita sedang bergerak ke arah Revolusi Industri Ke-4 (IR4.0).

Para belia di negara ini perlu diberikan galakan untuk menceburkan diri dalam industri pembinaan yang sudah beralih ke arah IR4.0 dengan menawarkan pekerjaan berkualiti dengan gaji yang lebih tinggi, supaya rakyat negara ini terlibat menyumbang kepada industri pembinaan untuk jangka masa panjang.

Rumusan

\$\$\$

RM2 bilion dianggarkan setiap tahun untuk menanggung Jalan Persekutuan.



Transformasi kaedah penyampaian Kerajaan amat penting bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan merentas zaman.



Penggunaan teknologi bagi mendapatkan maklum balas atau aduan rakyat telah membantu Kementerian untuk bertindak dengan lebih responsif.

CABARAN

Transformasi kaedah penyampaian kerajaan amat penting bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan merentas zaman. Hal ini seiring dengan perubahan yang berlaku seperti kepelbagaian generasi dalam kementerian, perkembangan teknologi, perubahan iklim serta kemampunan fiskal ekonomi dan peruntukan kewangan yang semakin terhad. Tambahan pula, penularan pandemik COVID-19 telah mengubah keseluruhan landskap negara sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial.

Kementerian perlu terus diperkasakan dengan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa memenuhi harapan rakyat khususnya melibatkan pembangunan dan penyenggaraan Jalan Persekutuan, Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP), projek pembinaan kerajaan serta penyeliaan dan pemantauan projek konsesi lebuh raya yang telah diswastakan. Perkhidmatan yang hendak disampaikan perlu lebih fleksibel, responsif dan bertindak pantas serta tidak melengahkan permohonan rakyat bagi melaksanakan perubahan dalam menangani segala cabaran.

Walaupun menghadapi kekangan peruntukan kewangan dan sumber manusia, faktor tersebut tidak dijadikan sebagai halangan dalam penyampaian perkhidmatan malah telah mempercepatkan lagi proses perubahan dalam kementerian untuk beroperasi dengan lebih cekap dan berkesan. Sebagai contoh, dianggarkan sebanyak RM2 bilion diperlukan pada setiap tahun untuk menanggung Jalan Persekutuan. Walaupun jumlah peruntukan yang diperolehi tidak sepenuhnya, Kementerian sentiasa memastikan peruntukan digunakan secara cekap dan berkesan demi keselesaan dan keselamatan pengguna Jalan Persekutuan.



4

Membangunkan kapasiti organisasi dan personel industri pembinaan bagi meningkatkan keupayaan, kompetensi dan penggunaan teknologi terkini serta mengamalkan norma baharu ke arah menghasilkan penyampaian perkhidmatan dan produk yang berdaya saing.

ANALISIS

Sehubungan dengan itu, kaedah penyaluran perkhidmatan telah memberikan penekanan kepada kecekapan pengurusan kewangan dan sumber manusia, integriti, pembudayaan inovasi dan kreativiti serta penggunaan teknologi digital dalam melaksanakan tugas.

Penggunaan teknologi bagi mendapatkan maklum balas atau aduan rakyat telah membantu Kementerian untuk bertindak dengan lebih responsif, manakala proses membuat keputusan melalui mesyuarat secara dalam talian turut diguna pakai bagi memastikan tiada keputusan penting tertangguh.

Walau bagaimanapun, masih terdapat kekangan yang perlu diatasi dalam menerapkan kaedah penyampaian baharu terutamanya berkaitan keperluan teknologi yang memerlukan tenaga sumber manusia di Kementerian dilatih semula, pindaan kepada manual atau garis panduan dan peraturan supaya selaras dengan dasar dan arahan terkini kerajaan.





KEKUATAN (STRENGTH)


- KERJA BERPASUKAN
- INTEGRITI
- SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG MANTAP
- KEPAKARAN TEKNIKAL
- SUMBER MANUSIA BERPENGALAMAN, BERPENGETAHUAN DAN PROFESIONAL
- PAKAR RUJUK TEKNIKAL
- MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN AKTA
- PROSEDUR OPERASI STANDARD
- SISTEM DAN JENAMA BERSTRUKTUR



PELUANG (OPPORTUNITY)

- RAKAN STRATEGIK BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI/VOKASIONAL
- PENGLIBATAN PROJEK MEGA DALAM PEMULIHAN EKONOMI
- PENINGKATAN CIRI-CIRI KELESTARIAN DALAM PROJEK
- TRANSFORMASI DALAM INDUSTRI BINAAN
- PELUANG MENGEKSPORT KEPAKARAN DAN PERKHIDMATAN
- PENGGUNAAN/PEMINDAHAN TEKNOLOGI KE ARAH IR4.0
- PENINGKATAN IMEJ/PERSEPSI
- PENGGUNAAN/PENGAPLIKASIAN TEKNOLOGI DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

FAKTOR DALAMAN



FAKTOR LUARAN



KELEMAHAN (WEAKNESS)

- KOMUNIKASI YANG LEMAH DAN KURANG EFEKTIF
- PENGGUNAAN DAN PEMAHAMAN YANG LEMAH DALAM SISTEM TEKNOLOGI
- KURANG BUDAYA INOVASI
- KESUKARAN PADANAN KERJA DENGAN BIDANG KEPAKARAN
- PERTINDIHAN KERJA
- KEKURANGAN SUMBER KEPAKARAN, KEWANGAN, MESIN/PERALATAN
- ZON SELESA
- KURANG PENERAPAN NILAI-NILAI BERSAMA
- *WORKING IN SILOS*



ANCAMAN (THREAT)

- KEPERLUAN PEMATUHAN NORMA BAHARU AKIBAT PANDEMIK COVID-19
- PELAKSANAAN PROJEK DIAMBIL ALIH KEMENTERIAN/AGensi
- KEHENDAK PELANGGAN YANG TIDAK KONSISTEN
- KOMPETENSI KONTRAKTOR DAN PERUNDING
- PERSEPSI NEGATIF
- PERUBAHAN TEKNOLOGI YANG PANTAS
- LIBERALISASI

Hala Tuju Strategik

3

Kementerian Kerja Raya telah mengkaji Teras Strategik dan mengemas kini hala tuju strategik agar selaras dengan peranan serta keperluan semasa industri pembinaan dan kejuruteraan negara.

Kandungan:

VISI, MISI dan MOTO KKR	41
Nilai-nilai Bersama	42
TERAS 1	44
TERAS 2	54
TERAS 3	62
TERAS 4	72





VISI
Kementerian Kerja Raya
Peneraju pembangunan infrastruktur
dan industri pembinaan negara

MISI

1 - Memperkasakan pembangunan infrastruktur dan pengurusan aset menyeluruh

2 - Memperluas pendigitalan industri pembinaan

MOTO
Ke Arah Kesejahteraan Rakyat

NILAI-NILAI BERSAMA



PROFESIONALISME

Mempunyai kemampuan, kemahiran dan pelaksanaan yang sewajarnya untuk mencapai kecemerlangan Kementerian.

Antara elemen profesionalisme termasuklah:

- 1 Berilmu
- 2 Berkemahiran
- 3 Berkepimpinan
- 4 Komunikasi berkesan
- 5 Berfikiran terbuka
- 6 Berdaya saing
- 7 Positif



RESPONSIF

Mengamalkan komunikasi yang baik dan bersegera dalam memberikan respons kepada rakyat.

Antara elemen responsif termasuklah:

- 1 Cepat memberikan respons kepada semua urusan pelanggan.
- 2 Mengemas kini perkembangan urusan sehingga selesai.



INTEGRITI

Mempunyai keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral positif yang tidak mudah dipengaruhi dan terpelihara daripada segala bentuk penyelewengan demi mempertahankan nama baik Kementerian dan warga KKR.

Antara elemen integriti termasuklah:

- 1 Akauntabiliti
- 2 Telus
- 3 Amanah
- 4 Jujur



KERJA BERPASUKAN

Mempunyai kebolehan untuk membina hubungan baik dengan berinteraksi secara efektif bersama warga Kementerian bagi mencapai visi yang sama.

Antara elemen kerja berpasukan termasuklah:

- 1 Bekerjasama
- 2 Prihatin
- 3 Saling berkongsi
- 4 Hormat-menghormati



INOVATIF

Inovasi merupakan satu elemen pemangkin yang merubah satu idea kepada satu tahap yang lebih baik dan efektif.

Antara elemen inovatif termasuklah:

- 1 Kepekaan terhadap semua benda dan perkara dalam persekitaran.
- 2 Penghasilan output berkualiti.
- 3 Permuafakatan dan perbincangan sesama individu.
- 4 Pengenalan ke arah idea baharu.



TERAS 1

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR
DAN KETERANGKUMAN WILAYAH

¹ Meningkatkan
Keberhasilan
Penyampaian
Perkhidmatan dan
Pelaksanaan Projek
Infrastruktur

³ Meningkatkan
Penggunaan Teknologi
Hijau dalam Industri
Pembinaan

STRATEGI

² Meningkatkan
Penggunaan Inovasi,
Teknologi dan
Penyelidikan dalam
Mengoptimumkan Impak
Positif Projek Kerajaan
Terhadap Kemakmuran
Rakyat

⁴ Memperluas Jajaran
dan Rangkaian Jalan
Raya serta Lebuhraya
Secara Bersepadu

1

Mempertingkatkan Keberhasilan Penyampaian Perkhidmatan dan Pelaksanaan Projek Infrastruktur

Pelaburan kerajaan dalam pembangunan infrastruktur yang selesa kepada rakyat memerlukan kos yang tinggi. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini sentiasa memantau keberhasilan projek-projek infrastruktur ini agar peruntukan yang tersedia dimanfaatkan secara optimum.

Pembinaan projek kerajaan (bangunan) yang menggunakan reka bentuk Pre Approved Plan (PAP), pelaksanaan inisiatif penggunaan IBS dengan skor melebihi 70% dan adaptasi penggunaan BIM bagi projek kerajaan bernilai melebihi RM10 juta yang dilaksanakan dapat menjimatkan masa dan kos serta mengatasi cabaran industri pembinaan.

Disamping itu, Kementerian ini mengambil langkah proaktif dalam memastikan projek yang bernilai RM10 juta ke atas yang dinilai oleh CIDB melepasi nilai ambang (*threshold value*) QLASSIC 50% serta memantau prestasi penyampaian projek kerajaan yang penyata akaun muktamad (Statement of Final Account - SOFA) tidak melebihi kos yang telah ditetapkan oleh pelanggan.

Penyediaan rangkaian jalan raya yang selesa dan selamat yang menghubungkan wilayah, bandar, jalan lingkaran dan pusat konurbasi sentiasa menjadi keutamaan Kementerian. Pembangunan jalan raya adalah untuk meningkatkan kebolehcapaian (*accessibility*) dan menyediakan keterangkuman (*connectivity*) berpandukan pelan pembangunan rangkaian jalan raya (Highway Network Development Plan - HNDP).

Pemantapan pelaksanaan projek infrastruktur secara lestari harus dirancang secara holistik dengan memperluas penggunaan HNDP dalam perancangan pada peringkat kebangsaan dan negeri sekali gus memperkukuh pembangunan sosioekonomi serta merancakkan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Infrastruktur lestari bermula dengan proses membuat keputusan dan penggubalan dasar pada peringkat Kementerian. Dalam usaha memperkukuh mutu penyenggaraan infrastruktur, KKR sedang menyediakan Dasar Senggara Infrastruktur Negara (DSIN). Objektif dasar yang disediakan adalah untuk mewujudkan dasar dan strategi penyenggaraan yang sistematik, efisien serta meningkatkan keselesaan pengguna jalan raya di negara ini.

PELAN TINDAKAN

1



Memperluas penggunaan pelan pembangunan rangkaian jalan raya (Highway Network Development Plan - HNDP).

2



Penggubalan Dasar Senggara Infrastruktur Negara (DSIN).

3



Projek Kerajaan yang Penyata Akaun Muktamad (Statement of Final Account - SOFA) tidak melebihi kos siling semasa.

4



Projek Kerajaan yang menggunakan reka bentuk Pre Approved Plan (PAP).

5



Projek kerajaan (bangunan) bernilai melebihi RM10 juta mengguna pakai IBS dengan skor melebihi 70.

6



Projek Kerajaan bernilai melebihi RM10 juta dilaksanakan secara Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM).

7



Projek Kerajaan bernilai melebihi RM10 juta yang dinilai oleh CIDB melepasi nilai ambang (*Threshold value*) QLASSIC 50%.



2 **Mempertingkatkan Penggunaan Inovasi, Teknologi dan Penyelidikan dalam Mengoptimumkan Impak Positif Projek Kerajaan Terhadap Kemakmuran Rakyat**

Pelaksanaan pembangunan lestari secara inovatif akan dapat meningkatkan produktiviti dalam pembangunan infrastruktur yang mampan. Kerajaan kini lebih komited untuk meneruskan pembangunan yang lebih mampan dengan beralih daripada trajektori konvensional *grow first, clean up later* yang berkos tinggi kepada pertumbuhan hijau bermula pada peringkat perancangan, reka bentuk, operasi dan penyenggaraan.

Hasrat ini dapat direalisasikan dengan menggunakan teknologi terkini seperti Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM) dalam pembangunan lebuh raya untuk memberikan reka bentuk dengan lebih tepat, penghasilan lukisan lebih cepat dan cadangan pembangunan tersebut dapat divisualkan. Kaedah BIM adalah pengubah keadaan (*game changer*) dalam industri pembinaan dan pembangunan lebuh raya selaras dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Program inovasi teknologi terkini yang diperakukan untuk diguna pakai oleh JKR merupakan satu program khusus bagi melahirkan warga kerja yang kreatif dan inovatif dalam menjana idea baharu serta merangsang inovasi sebagai tindak balas terhadap perubahan persekitaran dalaman mahupun luaran. Di samping itu, hak eksklusif inovasi yang dihasilkan dilindungi sebagai Harta Intelektual agar imej Kementerian sebagai agensi teknikal utama negara diiktiraf oleh pemain industri.

Tambahan pula, penting bagi Kementerian ini untuk memperkasakan kecekapan penyelidikan yang menekankan penghasilan inovasi melalui kolaborasi dengan agensi kerajaan, pemain industri, institusi pendidikan dan pihak-pihak berkepentingan lain agar penyelidikan warga JKR digunakan oleh seluruh organisasi untuk menjana nilai ilmu.



PELAN TINDAKAN

- 1  Inovasi/teknologi terkini yang diperakukan untuk diguna pakai.
- 2  Harta Intelektual (IP) yang didaftarkan.
- 3  Penerbitan/pembentangan hasil penyelidikan warga JKR.
- 4  Mengguna pakai kaedah Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM) dalam pelaksanaan pembangunan lebuh raya pada peringkat perancangan, reka bentuk, operasi dan penyenggaraan.



Penggunaan TBB dan lampu LED menjimatkan masa dan kos dari segi pemasangan kerana tidak melibatkan penyambungan kabel atau pemasangan kabel baharu kepada grid tenaga yang terdekat untuk jenis solar dan penggunaan lampu LED juga dapat menjimatkan kos operasi dan penyenggaraan yang rendah.

Kementerian Kerja Raya juga menilai dan meneliti proses pembinaan lebuh raya agar menepati piawaian yang ditetapkan berdasarkan Penilaian Semula Indeks Lebuhraya Hijau (Green Highway Index Recertification). Sistem piawaian ini adalah untuk mengukur indeks kehijauan lebuh raya yang menjadi asas pembangunan sesebuah lebuh raya agar bersesuaian dengan iklim tropika.

PELAN TINDAKAN

- 1  Projek Kerajaan (jalan) yang menggunakan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau Lampu Kecekapan Tenaga seperti Lampu Pancaran Diod (Light Emitting Diode - LED).
- 2  Penilaian Semula Indeks Lebuhraya Hijau (Green Highway Index Recertification) setiap tahun bagi setiap lebuh raya pada pelbagai peringkat pelaksanaan lebuh raya.


3 Mempertingkatkan Penggunaan Teknologi Hijau dalam Industri Pembinaan

Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar ialah salah satu isu yang perlu diambil berat memandangkan isu ini melibatkan kelangsungan hidup manusia selain perubahan iklim yang semakin ketara.

Kementerian Kerja Raya selaku badan yang mengawal selia industri pembinaan berusaha meningkatkan penggunaan teknologi hijau dalam sektor pembinaan dan projek jalan raya dengan menggunakan tenaga dengan lebih efisien bagi lampu jalan. Lampu Kecekapan Tenaga seperti diod pemancar cahaya (Light Emitting Diode - LED) digunakan untuk projek-projek jalan selain penggunaan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB).


Antara faedah penggunaan TBB dan lampu LED ini termasuklah penjanaan tenaga elektrik daripada TBB dapat mengurangkan pelepasan karbon di udara dan secara tidak langsung dapat membantu memulihara dan meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar.

Selain dapat mengurangkan kos operasi (utiliti) kepada jabatan/pihak berkuasa tempatan (PBT), usaha ini juga merupakan opsyen yang baik untuk kawasan tanpa akses grid tenaga.



PELAN TINDAKAN

- 1 Menambah baik sistem jaringan jalan raya bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.



4 Memperluas Jajaran dan Rangkaian Jalan Raya serta Lebuh Raya Secara Bersepadu

Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab menyediakan infrastruktur jalan bagi kegunaan dan keselesaan rakyat untuk menghubungkan kawasan pedalaman dan kawasan yang tidak mempunyai akses lebuhraya seperti di Sabah, Sarawak dan Kelantan.

Sehubungan dengan itu, projek-projek pembinaan jalan raya seperti Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak sepanjang 2,290 km yang menghubungkan Sabah dan Sarawak, dan projek Central Spine Road (CSR) sepanjang 310 km yang menghubungkan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) Karak, Pahang ke Kuala Krai, Kelantan ialah inisiatif kerajaan dalam menyediakan infrastruktur jalan raya yang baik dan selesa bagi kegunaan rakyat.

Selain itu, penambahbaikan jalan sedia ada juga dilaksanakan bagi meningkatkan mutu jalan sedia ada seperti projek naik taraf Jalan Persekutuan di Tanjung Karang ke Sabak Bernam, Sabak Bernam ke Hutan Melintang dan Teluk Intan ke Kg. Lekir, sepanjang 81.5 km yang akan disambungkan dengan Lebuhraya Pantai Barat (West Coast Expressway - WCE).

Projek jalan raya dan lebuhraya ini adalah antara usaha kerajaan dalam memperluas jajaran dan rangkaian jalan raya dan lebuhraya di seluruh Malaysia untuk menghubungkan kawasan yang tidak mempunyai akses jalan raya yang baik, selain meningkatkan mutu dan kualiti jalan raya.

J32	Jalan Negeri	236,581.527 km
1	Jalan Persekutuan	17,896.036 km
E2	Lebuhraya	2,016.050 km

Sumber: CSFJ, JKR



TERAS 2

MEMPERLUAS PENGGUNAAN TEKNOLOGI,
INOVASI DAN DIGITAL DALAM PEMBANGUNAN
DAN PENYENGGERAAN INFRASTRUKTUR

¹
Membangunkan dan
Memperkasakan Dasar
dan Garis Panduan
Infrastruktur

³
Mempertingkatkan
Pemantauan dan
Kawalan Infrastruktur

S T R A T E G I

²
Membina dan
Memperhebat Sistem
serta Teknologi
Infrastruktur

⁴
Mempertingkatkan
Keselamatan
dan Keselesaian
Infrastruktur

“Peneraju industri perlu bermula dari sekarang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka, terutamanya dalam menggarap norma dan juga teknologi baharu dalam melaksanakan projek-projek pembinaan yang berskala besar, mahupun yang kecil.”


Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kanan Kerja Raya

PELAN TINDAKAN

1



Membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Aset (Operasi) pada peringkat Kementerian dan Agensi di bawah KKR.



1 Membangunkan dan Memperkasakan Dasar dan Garis Panduan Infrastruktur

Bagi memantapkan pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur negara, Kementerian Kerja Raya (KKR) akan membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Aset (Operasi) bagi mengurus aset tak alih kerajaan milikan KKR selari dengan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA).

Melalui pelan strategik ini, pengurusan aset tak alih kerajaan dapat diurus dengan lebih sistematik dan cekap.

PELAN TINDAKAN

- 1



Melaksanakan penggunaan Intelligent Transport System (ITS) bagi mengoptimumkan operasi pengurusan trafik di rangkaian jalan raya.
- 2



Melaksanakan sistem kutipan tol dengan menggunakan teknologi RFID (untuk kenderaan Kelas 1 di lebuh raya sistem tol tertutup dan untuk semua kelas kenderaan di lebuh raya sistem tol terbuka dan tertutup).
- 3



Penambahbaikan dalam penyenggaraan Jalan Persekutuan sedia ada melalui kaedah baharu dalam turapan jalan serta melaksanakan kajian baharu bahan tambah (*specialty mix*) dalam turapan yang optimum bagi memanjangkan jangka hayat jalan raya.
- 4



Penyenggaraan jalan yang menggunakan bahan-bahan mesra alam dan inovasi.
- 5



Melaksanakan Pelaporan Penilaian Prestasi (Building Performance Assessment - BPA) untuk aset tak alih kerajaan.
- 6



Menyumbang kepada pencapaian komitmen negara untuk mengurangkan pelepasan karbon atau Gas Rumah Hijau (*Green House Gas* - GHG) melalui pengurangan pelepasan karbon: Bangunan yang dihuni dan dikawal selia JKR sebanyak 1.4 juta kg CO₂ equivalent/tahun.
- 7



Memperkasakan dan menyokong sistem data untuk pemantauan dan penilaian sistem pengurusan keselamatan lebuh raya melalui pelaksanaan MHROADS v2.
- 8



Membina perisian/program bagi pelaksanaan Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance - CCC) secara dalam talian bagi Jurutera.

2 Membina dan Memperhebat Sistem serta Teknologi Infrastruktur

Kementerian Kerja Raya (KKR) komited untuk melaksanakan Intelligent Transport System (ITS) dengan mewujudkan sistem pangkalan data trafik dan pengangkutan secara masa nyata (*real time*) serta bersepadu pada peringkat kebangsaan melalui usaha sama antara agensi kerajaan dan swasta menerusi platform digital. Pelaksanaan sistem ini bagi memastikan kadar penggunaan data trafik dan pengangkutan sedia ada diguna pakai secara maksimum.

Melalui ITS, pemantauan dan perancangan yang berkaitan dengan jalan raya di Malaysia termasuklah pengurusan bencana dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci melalui penggunaan sistem aplikasi dan teknologi yang dibina. Penggunaan teknologi dalam pengoperasian pengurusan trafik ini sejajar dengan aspirasi Malaysia menuju ke arah negara digital.

Selain itu, bagi menyokong pelaksanaan ITS, KKR melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) akan memperluas sistem kutipan tol dengan menggunakan teknologi Radio-Frequency Identification (RFID) ke arah pelaksanaan Sistem Kutipan Tol tanpa Henti Pelbagai Lorong (Multi-Lane Free Flow - MLFF) yang akan mengurangkan kesesakan di plaza tol di seluruh negara.

Seterusnya, dengan inisiatif pengenalan kaedah baharu dalam turapan jalan, iaitu penggunaan bahan tambah (*specialty mix*) dalam turapan bertujuan untuk meningkatkan hayat turapan jalan dan secara tidak langsung memberikan pulangan pelaburan (*return of investment* - ROI) yang lebih baik terhadap perbelanjaan kerajaan. Kaedah baharu ini juga akan meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya selepas siap kerja pembaikan dan membantu kelestarian alam sekitar.

Selain itu, untuk membina dan memperhebat sistem serta teknologi infrastruktur negara, Pelaporan Penilaian Prestasi (Building Performance Assessment – BPA) dan pengurangan pelepasan karbon Gas Rumah Hijau (*Green House Gas* – GHG) perlu diberi penekanan bagi memacu pembangunan infrastruktur yang seimbang dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar bagi mencapai Matlamat Pembangunan Mapan (Sustainable Development Goals).



3 Mempertingkatkan Pemantauan dan Kawalan Infrastruktur

Selain daripada penyenggaraan jalan, jambatan dan lebuh raya, Kementerian Kerja Raya (KKR) juga bertanggungjawab untuk menyenggara Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di seluruh Malaysia. Sehingga Disember 2020, terdapat 67 BGP yang dipantau dan disenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan.

Kerajaan telah menswastakan sistem pengurusan penyenggaraan BGP semenjak tahun 1998. Bagi meningkatkan tahap kepuasan pengguna di BGP, KKR akan mendigitalkan aktiviti pengurusan dan penyenggaraan di BGP selari dengan IR4.0.

Program Pendigitalan Kajian Kepuasan Pelanggan ini sekali gus akan meningkatkan integriti data, mempercepat kajian dan penilaian kepuasan pelanggan.

PELAN TINDAKAN



1 Pendigitalan Kajian Kepuasan Pelanggan di semua Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) seluruh Malaysia.



PELAN TINDAKAN

1



Menjalankan penyenggaraan *potholes* dengan lebih cekap.

2



Menjalankan pembaikan dan rawatan ke atas lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspot*).

3



Pelaksanaan kajian kesesakan di lokasi yang terpilih di lebuh raya yang sedang beroperasi.

4 Mempertingkatkan Keselamatan dan Keselesaian Infrastruktur

Bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaian pengguna jalan raya dan lebuh raya, KKR akan menjalankan pembaikan dan rawatan ke atas lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) di seluruh negara.

Pembaikan dan rawatan akan dilaksanakan dengan langkah-langkah intervensi dalam bidang kejuruteraan di kawasan yang telah dikenal pasti seperti melaksanakan penurapan jalan, pemasangan penghadang jalan, *flexible posts*, pepaku jalan (*road studs*), papan tanda sevron LED (*LED Chevron signages*), jalur derum (*rumble strips*) dan lain-lain.

Pelaksanaan program ini dijangka akan mengurangkan kadar kemalangan di lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) di Jalan Persekutuan dan lebuh raya di seluruh negara.



TERAS 3

MEMPERKASAKAN KAPASITI, KEBOLEHAN DAN
DAYA SAING INDUSTRI PEMBINAAN

¹ ➤ Mempertingkatkan
Pembangunan
Kontraktor dan
Usahawan Binaan

³ ➤ Mempertingkatkan
Daya Saing Industri
Pembinaan pada
Peringkat Antarabangsa

S T R A T E G I

² ➤ Mempertingkatkan
Kompetensi Tenaga Kerja
dan Profesional dalam
Industri Pembinaan

⁴ ➤ Memperkasakan
Kapasiti Data Raya
dan Daya Saing Sektor
Pembinaan

“Sejak ditubuhkan pada tahun 1997, kesemua enam Akademi Binaan Malaysia (ABM) di bawah seliaan CIDB berjaya melatih 146,746 belia dan 274,555 personel binaan dalam pelbagai bidang kemahiran. Latihan dalam industri binaan di bawah ABM adalah satu daripada inisiatif kerajaan dalam meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran pekerja tempatan. Ia selaras usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.”

Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kanan Kerja Raya



1 Mempertingkatkan Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Binaan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menerusi Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies menyediakan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang pembinaan.

Selain itu, CIDB turut menawarkan latihan dalam bidang penyeliaan dan pengurusan, pemasangan komponen Sistem Binaan Industri (Industrialised Building System - IBS) dan penggunaan Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM).

Sehingga kini, CIDB telah melatih seramai 146,357 belia dan 272,008 personel industri pembinaan dalam pelbagai bidang kemahiran berimpak tinggi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri pembinaan negara.

Susulan itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui CIDB telah mengambil inisiatif untuk menyambung Program Latihan Kontraktor Pengurusan Fasiliti dalam tempoh lima (5) tahun akan datang sekali gus menyokong strategi meningkatkan bilangan Kontraktor Pengurusan Fasiliti selari dengan hala tuju National Construction Policy (NCP) 2030.

Bagi meningkatkan kapasiti dan kebolehan kontraktor serta menambah bilangan kontraktor yang berprofil tinggi dalam industri pembinaan negara, satu inisiatif lima (5) tahun melibatkan Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) Program Coaching untuk penilaian MCORE/SCORE akan dilaksanakan.

PELAN TINDAKAN

1



Melatih Kontraktor Pengurusan Fasiliti.

2



Menjalankan Program Latihan Pembangunan Kontraktor bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kontraktor secara berterusan.

3



Menjalankan SCORE Program Coaching untuk penilaian MCORE/SCORE bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan kontraktor pembinaan.

2

Mempertingkatkan Kompetensi Tenaga Kerja dan Profesional dalam Industri Pembinaan

Dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi profesional dan tenaga kerja industri pembinaan, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan meningkatkan tahap kemahiran dan bilangan personel industri pembinaan tempatan yang bertauliah bagi memenuhi keperluan dalam pelaksanaan program latihan, penyeliaan, pengurusan, penilaian dan pentauliah kemahiran personel industri pembinaan tempatan.

Program latihan untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety Health Officer - SHO) dan Penyelia Keselamatan Tapak (Site Safety Supervisor - SSS) dan latihan profesional dalam Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM) dilaksanakan bagi menyokong inisiatif perbelanjaan berhemat.

Selain itu, bagi meningkatkan peluang dan kebolehpasaran perkhidmatan jurutera, KKR dan Lembaga Profesional akan mewujudkan platform kerjasama industri untuk meningkatkan rangkaian dan mobiliti jurutera profesional dan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan untuk membangunkan serta menjalankan program kepimpinan dan pengurusan.



PELAN TINDAKAN

- 1

Melaksanakan latihan dan memberikan pentauliah personel industri pembinaan melalui program Penyeliaan dan Pengurusan.
- 2

Melaksanakan latihan, penilaian dan pentauliah kemahiran personel industri pembinaan tempatan.
- 3

Menjalankan latihan untuk Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety Health Officer - SHO) dan Pegawai Keselamatan Tapak (Site Safety Supervisor - SSS)
- 4

Melatih profesional dalam Pemodelan Maklumat Bangunan (Building Information Modelling - BIM).
- 5

Menjalankan kajian, promosi dan menyebarkan amalan terbaik mengenai keselamatan dan kesihatan.
- 6

Mewujudkan platform kerjasama industri untuk meningkatkan rangkaian dan mobiliti jurutera profesional.
- 7

Bekerjasama dengan rakan strategik untuk membangun dan menjalankan program kepimpinan dan pengurusan kepada jurutera.
- 8

Pelaksanaan Seminar Tatacara Pelantikan Perunding dan Prestasi Perunding.

3 **Mempertingkatkan Daya Saing Industri
Pembinaan pada Peringkat Antarabangsa**

Usaha meningkatkan daya saing industri pembinaan negara pada peringkat antarabangsa merupakan strategi penting yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya. Antara program yang dirancang termasuklah pembangunan profil negara menerusi kajian sektor/subsektor pasaran/ekonomi makro dan statistik sektor pembinaan bagi mengenal pasti daya tarikan sesebuah negara, mewujudkan program daya saing penggiat industri ke peringkat antarabangsa, kerjasama antarabangsa dalam industri pembinaan dan membangunkan profil/senarai syarikat pembinaan Malaysia yang beroperasi di luar negara dan diiktiraf pada peringkat global.

Kesemua pelan tindakan ini disasarkan untuk membantu meningkatkan jaringan komunikasi dan peluang penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam projek pembinaan pada peringkat global. Selain itu, pelan ini turut mewujudkan persekitaran pasaran yang kompetitif bersama pemain industri pembinaan luar negara dengan membuka ruang pengiktirafan bersama bagi standard dan spesifikasi bahan binaan.

Seterusnya, program dan strategi yang dirancang diharapkan dapat membawa industri pembinaan Malaysia lebih cemerlang di persada antarabangsa. Sehingga 19 Jun 2020, sebanyak 11 projek luar negara yang bernilai RM10.2 bilion telah dimenangi oleh lapan (8) syarikat Malaysia di lapan (8) buah negara termasuklah Bangladesh, India, Nepal, Laos, Singapura, Taiwan, Thailand dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Oleh itu, untuk menjadi pemain industri pembinaan global yang berdaya saing, prestasi dan profesionalisme serta imej sektor ini perlu sentiasa dipertingkatkan dari pelbagai aspek. KKR sentiasa meninjau peluang untuk meneroka pasaran antarabangsa melalui peningkatan kerjasama strategik dengan negara-negara lain dalam industri pembinaan. Peningkatan jaringan peluang penglibatan syarikat-syarikat tempatan pada peringkat antarabangsa dapat dipertingkatkan melalui kerjasama strategik tersebut.

Selain itu, pembangunan direktori syarikat pembinaan Malaysia yang beroperasi di luar negara dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa menjadi bukti kejayaan syarikat Malaysia meneroka pasaran di luar negara. Antaranya termasuklah pembinaan litar F1 di Bahrain dan Abu Dhabi oleh WCT Engineering, Lapangan Terbang Antarabangsa Doha oleh Gamuda Berhad dan Lapangan Terbang Antarabangsa Hamad di Qatar yang dibangunkan bersama oleh Muhibbah Engineering, WCT Engineering, Ever Sendai Construction Berhad dan beberapa syarikat lain.

Dengan kejayaan ini, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) akan meningkatkan lagi usaha penjenamaannya agar meliputi bidang-bidang lain yang penting dalam industri dan seterusnya menggilap kemampuan dan kebolehan para pemain industri pembinaan Malaysia pada peringkat antarabangsa.



4 Memperkasakan Kapasiti Data Raya dan Daya Saing Sektor Pembinaan

Dalam menyokong usaha transformasi industri pembinaan untuk menuju ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), penubuhan pusat data yang komprehensif, terkini dan daripada sumber yang berkredibiliti tinggi akan dapat memudahkan pihak syarikat pembinaan untuk menjalankan perniagaan di dalam mahu pun di luar negara.

Sebuah platform bersepadu yang merangkumi data-data berkaitan dengan pembinaan termasuklah undang-undang kecil, peraturan, garis panduan dan piawaian akan dapat membantu pihak syarikat untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terkini berkaitan industri pembinaan tempatan.

Inisiatif ini juga dijangka dapat meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang mementingkan integriti dan ketelusan (*transparent*) terutamanya dalam menjalankan projek pembinaan. Data-data yang disediakan juga akan membantu semua pihak termasuklah pihak kerajaan dan swasta dalam membuat keputusan.

Dalam pembangunan pusat data ini juga, pandangan daripada semua pihak seperti kontraktor, golongan profesional serta pemain industri pembinaan yang lain akan diambil kira bagi memastikan data tersebut kekal relevan.

PELAN TINDAKAN

- 1  Platform bersepadu Centralized Regulations Repository (CRR) KKR.
- 2  Program pengukuhan kapasiti data raya sektor pembinaan.
- 3  Sesi Libat Urus bersama Agensi Profesional (LJM, LAM, dan LJBM).

“Sistem statistik negara perlu diperkukuhkan bagi memastikan data yang ada diselaraskan dan dapat digunakan kerajaan dalam merangka dasar atau membuat keputusan. Pengukuhan ini akan memberikan impak positif, antaranya menjamin ketersediaan data lebih komprehensif di sektor kerajaan dalam merangka dasar jangka pendek dan jangka panjang negara.”

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)



TERAS 4

MEMANTAPKAN TADBIR URUS ORGANISASI
UNTUK MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

1 ➤ Mempertingkatkan
Kecekapan
Pengurusan,
Kompetensi
Modal Insan dan
Profesionalisme

S T R A T E G I

2 ➤ Memantapkan
Penyampaian
Perkhidmatan melalui
Teknologi

3 ➤ Memantapkan
Pengurusan Akaun,
Audit, Kewangan dan
Perolehan

4 ➤ Mempertingkatkan
Imej Korporat dan
Memperkasakan
Jaringan Komunikasi
Strategik

PELAN TINDAKAN

- 1  Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia KKR 2021 – 2025 (PSPSM KKR 2021 – 2025).
- 2  Pendigitalan pengurusan sumber manusia KKR.
- 3  Pembangunan potensi sumber manusia KKR.
- 4  Mengiktiraf personel yang mempunyai Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Tahap 4 sebagai Pakar Rujuk Jabatan.
- 5  Peningkatan jumlah pegawai JKR yang diiktiraf sebagai profesional bertaulah untuk semua disiplin.
- 6  Pemantauan pelaksanaan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KKR 2021 – 2025.

1 Mempertingkatkan Kecekapan Pengurusan, Kompetensi Modal Insan dan Profesionalisme

Pengurusan dan pembangunan sumber manusia ialah salah satu tunjang dalam memastikan tadbir urus organisasi yang mantap dan berkesan. Sepanjang tempoh tiga (3) tahun kebelakangan ini, purata pengisian jawatan berjaya mencapai 87.17% bagi setiap tahun. Peratusan penyelesaian isu bagi Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) tahun 2020 juga mencapai 100% apabila 39 isu yang terkumpul berjaya diselesaikan. Selain itu, pencapaian lima (5) hari berkursus bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi bagi Kementerian Kerja Raya (KKR) amat memberangsangkan apabila 99.71% warga KKR berjaya memenuhi keperluan tersebut.

Sehubungan dengan itu, untuk terus meningkatkan kecekapan pengurusan, kompetensi modal insan dan profesionalisme dalam kalangan warga kerja KKR, beberapa inisiatif telah dirancang.

Antaranya termasuklah membangunkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia 2021 – 2025 (PSPSM 2021 – 2025), membudayakan inovasi melalui pendigitalan pengurusan sumber manusia dan menyerlahkan potensi sumber manusia bagi mendukung visi dan misi KKR dan membantu warga KKR memenuhi potensi masing-masing dan mencipta legasi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Integriti merupakan kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap penjawat awam. Gejala rasuah, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran peruntukan kerajaan hendaklah dihapuskan. Bagi menangani isu integriti, tadbir urus dan rasuah di dalam negara terutamanya dalam sektor perkhidmatan awam, kerajaan sentiasa peka dan berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif. KKR juga memainkan peranan dalam usaha ini dengan membangunkan satu pelan yang strategik dan komprehensif untuk menangani isu integriti dan rasuah.

Pelan Antirasuah Organisasi (Organisational Anti-Corruption Plan - OACP) KKR 2021 – 2025 yang dibangunkan telah menggariskan inisiatif yang praktikal untuk dilaksanakan. Pelan ini juga akan digunakan oleh KKR untuk membendung dan menangani isu integriti, kelemahan tadbir urus dan masalah rasuah di KKR dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. OACP KKR dibangunkan untuk menggalakkan pembudayaan integriti serta tadbir urus yang baik dalam setiap aspek perkhidmatan.

Pelan ini juga bagi memastikan warga kerja dan organisasi KKR mendukung aspirasi dan agenda nasional dalam membanteras perilaku gejala rasuah dan pelanggaran integriti. Setiap inisiatif yang telah ditetapkan dalam pelan ini perlu dilaksanakan dan pencapaian setiap inisiatif akan dilaporkan kepada Pengurusan KKR melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian.

2 Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan melalui Teknologi

Perkembangan teknologi seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah dimanfaatkan sepenuhnya dari segi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara komprehensif dan intensif. Penyampaian perkhidmatan melalui teknologi lebih menjurus kepada perkhidmatan dalam talian yang berbentuk hujung ke hujung (*end-to-end*). E-Kerajaan (e-Government) telah diperkenalkan mulai tahun 1995 untuk menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing negara menjadi pendekatan baharu dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Strategi ini dibangunkan dengan matlamat memantapkan penyampaian perkhidmatan melalui teknologi. Strategi ini mempunyai dua (2) program, iaitu pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan menerusi Pelan Strategi Pendigitalan KKR 2021 – 2025 (PSICT KKR 2021 – 2025) dan penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang seragam pada peringkat agensi di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR).


Pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan menerusi PSICT KKR 2021 – 2025 bertujuan untuk memastikan inisiatif pendigitalan perkhidmatan dapat dilaksanakan dan dipantau dengan lebih holistik. Bagi meningkatkan tahap perkhidmatan ICT bagi warga KKR. Program di bawah PSICT KKR 2021 – 2025 dirangka secara efektif dan inovatif bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan yang profesional dan dinamik sekali gus menyokong hasrat Kementerian untuk menjadi peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara.

Pengurusan aduan yang berkesan berupaya menaikkan imej Kementerian. Pada peringkat KKR pengurusan aduan merupakan salah satu aspek yang diberikan perhatian serius. Oleh itu, bagi memastikan setiap aduan diurus dan dipantau secara cekap, Kementerian telah melaksanakan pengurusan aduan melalui SISPAA.

Pada dasarnya, SISPAA ialah medium rasmi sistem pengurusan aduan yang dibangunkan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA). Selain daripada memudah cara orang awam untuk menyalurkan aduan, SISPAA turut berfungsi sebagai medium pemantau pengurusan aduan dalaman Kementerian dan Agensi. KKR kini memasuki fasa akhir dalam mempertingkatkan kualiti khidmat penyampaian berteraskan pelanggan dengan mewujudkan pemusatan sistem pengurusan aduan awam di Kementerian dan Agensi.

Perkhidmatan berfokuskan pelanggan dalam pengurusan aduan memberikan impak yang dapat mengurangkan persepsi negatif rakyat terhadap KKR melalui tindakan pantas dalam menangani aduan yang dibangkitkan. Tindakan ini dapat dijalankan melalui maklum balas awal kepada orang awam dalam tempoh yang telah ditetapkan (tiga hari bekerja).

Sepanjang tempoh 2018 sehingga Oktober 2020, sebanyak 75.87% aduan yang diterima telah berjaya diselesaikan kurang daripada 15 hari, manakala sebanyak 94.36% aduan telah berjaya diselesaikan daripada jumlah keseluruhan 21,698 aduan.



PELAN TINDAKAN

- 1  Pelaksanaan pendigitalan perkhidmatan menerusi Pelan Strategik Pendigitalan .
- 2  Penggunaan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang bersepadu pada peringkat agensi di bawah KKR.

3 Memantapkan Pengurusan Akaun, Audit, Kewangan dan Perolehan

Pengurusan kewangan dan tadbir urus Kementerian dan Agensi di bawahnya haruslah dilaksanakan dengan cekap, telus dan berakauntabiliti. Tadbir urus yang baik dalam sesebuah organisasi akan membolehkan Kementerian memenuhi visi, misi dan fungsi dengan cemerlang.

Dalam pengurusan kewangan dan perolehan, selain membelanjakan peruntukan yang diluluskan secara optimum dan efisien, penting untuk Kementerian melahirkan pegawai yang kompeten selaras dengan pelaksanaan perakaunan akruan dan seterusnya meningkatkan kualiti tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Pengauditan dijalankan adalah bertujuan bagi membantu Kementerian untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Audit pengurusan prestasi merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi boleh menentukan sama ada matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Teguran audit boleh menjadi asas untuk tindakan pembetulan (*corrective*) supaya kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan dan tindakan pencegahan (*preventive*) agar ketidakpatuhan tidak berulang.

PELAN TINDAKAN

- 

Program Auditan bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan melalui penyelesaian isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang melibatkan KKR dan Agensi di bawahnya.
- 

Melaksanakan kursus strategik dalam pengurusan kewangan dan akaun.
- 

Pengurusan Prestasi Perbelanjaan Kewangan.





- PELAN TINDAKAN**
-  1 Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).
 -  2 Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
 -  3 Audit Keselamatan Perlindungan.
 -  4 Perkongsian promosi program dan aktiviti menerusi media sosial rasmi (Facebook, Twitter dan Instagram).
 -  5 Mewujudkan dan melaksanakan program perhubungan media (*media engagement*) yang kukuh dan mantap antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan pengamal media.
 -  6 Meningkatkan perkhidmatan berfokuskan pelanggan.

4 Mempertingkatkan Imej Korporat dan Memperkasakan Jaringan Komunikasi Strategik

Media atau publisiti ialah alat komunikasi penting bagi menyalurkan maklumat yang tepat dan pada masa yang sama mewujudkan imej dan reputasi yang lebih baik pada pandangan masyarakat.

Hubungan baik antara Kementerian dengan pihak media seperti wartawan dan editor bertujuan untuk menyampaikan program dan aktiviti serta menyebarkan mesej yang positif dari segi peranan, fungsi dan amalan nilai Kementerian. Dari tahun 2016 sehingga Disember 2019, sebanyak 54 program yang melibatkan media elektronik dan media cetak telah dilaksanakan.

Antara program tersebut termasuklah Malam Penghargaan Media, Taklimat Editor Media, Lawatan Agensi Media dan wawancara/dialog/temu bual di TV dan Radio.

Kementerian akan terus menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak media di samping memperluas penyaluran maklumat, program dan aktiviti Kementerian melalui media sosial baharu.

Kementerian juga memberikan tumpuan kepada program pengukuhan budaya korporat yang boleh meningkatkan kualiti khidmat penyampaian, produktiviti kerja dan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan selamat melalui program seperti Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Department of Occupational Safety and Health Malaysia - DOSH) dan Audit Keselamatan Perlindungan (Chief Government Security Office - CGSO).

Program ini dapat memberikan nilai tambah dan peningkatan imej korporat melalui pengauditan dan pensijilan daripada pihak luar.

Kementerian juga berusaha untuk memantapkan tadbir urus organisasi terutamanya dari aspek mempertingkatkan kecekapan pengurusan, kompetensi modal insan dan profesionalisme; menambah baik perkhidmatan seiring dengan kemajuan teknologi; memperkasakan jaringan komunikasi strategik dan memastikan pengoperasian Kementerian yang lebih mantap dengan berfokuskan perkhidmatan kepada rakyat dan pelanggan.

Penutup

4

Sebanyak empat (4) Teras Strategik, 16 Strategi dan 60 pelan tindakan yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian telah dirangka dan didokumenkan untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun ini.

Kandungan:

Faktor Penentu Kejayaan	85
Penutup	92
Glosari	94
Pasukan Editorial	98
Sekalung Penghargaan	99
Direktori Kementerian Kerja Raya	100





Faktor penentu kejayaan ialah prasyarat dalam menentukan keberhasilan pelaksanaan strategi dan program yang telah dirancang dalam Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025). Antara elemen penentu kejayaan termasuklah:





Komitmen Pengurusan Tertinggi

Kejayaan sesuatu program amat bergantung pada komitmen pengurusan tertinggi sesebuah organisasi. Di Kementerian Kerja Raya (KKR), pengurusan tertinggi telah memberikan komitmen untuk memastikan semua pelan tindakan yang telah dirangka dapat dilaksanakan mengikut sasaran yang telah ditetapkan melalui pemantauan secara berkala.

Budaya kerja yang proaktif telah diterapkan oleh pengurusan kepada semua pegawai dan kakitangan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera demi kepentingan dan kemakmuran rakyat.

Oleh itu, warga KKR perlu mempunyai sikap proaktif dan komited dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan. Warga KKR perlu sentiasa meletakkan diri masing-masing sebagai seorang pemimpin bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti untuk kepentingan pelanggan. Budaya kerja berpasukan perlu diterapkan berdasarkan konsep persaingan sihat dalam menyempurnakan tugas bagi menjamin keharmonian organisasi.

“ Jika kita memperuntukkan RM1 bilion bagi sesuatu projek pembinaan, ia akan memberi impak dua hingga tiga kali ganda kepada pelbagai pihak.”

Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof
Menteri Kanan Kerja Raya






Penggunaan Teknologi

Berada dalam era digital memberikan kelebihan kepada organisasi untuk menjadi lebih cekap dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Kementerian Kerja Raya (KKR) tidak terlepas daripada mengaplikasikan sistem maklumat dan kemajuan teknologi digital supaya digunakan bagi menampung keperluan data di KKR.

Pewujudan sistem data raya di Kementerian ini dengan dibantu oleh perkongsian maklumat antara agensi kerajaan akan membantu proses membuat keputusan secara inklusif dan tepat berdasarkan dimensi yang lebih luas bagi memastikan keperluan pelanggan KKR dapat dipenuhi.

Penambahbaikan berterusan melalui nilai tambah dan nilai cipta harus menjadi titik tolak kepada kesinambungan KKR sebagai satu organisasi yang relevan dalam mengharungi masa depan yang kian mencabar.





Tadbir Urus

Kementerian Kerja Raya sebagai salah sebuah kementerian utama sentiasa mengamalkan tadbir urus yang baik bagi memastikan amanah dilaksanakan dengan sempurna.

Pematuhan kepada prosedur dan peraturan perlu dijadikan sebagai keutamaan bagi memastikan semua strategi dan pelan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik tanpa sebarang teguran audit dan mematuhi penarafan kualiti yang telah ditetapkan.

Punca kuasa yang jelas berkaitan pelan tindakan yang dilaksanakan amat penting bagi mengelakkan isu kekeliruan, kesilapan dan pertindihan tugas.

Komitmen setiap Bahagian dan Agensi dalam Kementerian untuk mencapai objektif yang ditetapkan amat diperlukan bagi memastikan program dan aktiviti yang dilaksanakan dapat mencapai keberhasilan yang optimum walaupun mempunyai sumber yang terhad.



Pelan Media

Dalam dunia maklumat tanpa sempadan, menjadi satu keperluan untuk membangunkan satu pelan media yang komprehensif dan berkesan. Pelan media boleh menjadi satu panduan dalam penyebaran maklumat yang tepat, berintegrasi dan konsisten kepada masyarakat.

Di samping itu, maklumat terhadap aduan dapat ditangani dengan lebih sistematik, cepat dan memuaskan hati pelanggan. Penggunaan media sosial harus dimanfaatkan sebaik mungkin sepertimana media perdana yang lain.



PENUTUP

Tempoh 2021 – 2025 merupakan fasa yang penting ke arah mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Kementerian Kerja Raya (KKR) akan turut bersama menjayakan wawasan tersebut.

Untuk menuju ke arah pencapaian wawasan tersebut, setiap strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025) akan dilaksanakan, dipantau dan diukur prestasinya serta dibuat penilaian dan semakan semula.

Kementerian Kerja Raya akan memastikan setiap Bahagian dan Agensi menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) sejajar dengan PSO KKR 2021 – 2025. Setiausaha Bahagian dan Ketua Agensi sebagai pemilik pelan tindakan dikehendaki memantau pelaksanaan setiap pelan tindakan masing-masing serta melaporkan pencapaiannya.

Pemantauan dan pengukuran prestasi setiap strategi dan pelan tindakan akan dibuat secara berkala melalui mesyuarat PSO KKR 2021 – 2025 bagi memastikan KPI dan keberhasilan yang ditetapkan dicapai. Melalui pemantauan ini, KKR akan mengenal pasti sebarang isu dan masalah pada peringkat pelaksanaan dan seterusnya mengambil langkah-

langkah penambahbaikan yang bersesuaian agar PSO KKR 2021 – 2025 berada pada landasan yang betul. Di samping itu, PSO KKR 2021 – 2025 juga boleh dinilai semula, disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa sejajar dengan perkembangan terkini negara.

Melalui PSO KKR 2021 – 2025, Kementerian akan terus memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan penambahbaikan pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur negara. Persekitaran yang semakin berubah serta harapan tinggi pelanggan dan pihak berkepentingan memerlukan KKR sentiasa bersedia melaksanakan perubahan dan penambahbaikan agar terus relevan.

Sehubungan dengan itu, PSO KKR 2021 – 2025 akan mencerminkan aspirasi dan komitmen seluruh warga kerja KKR dalam mendepani isu-isu strategik rakyat yang berkaitan dengan peranan, fungsi dan bidang kuasa KKR dan Agensi.

Secara keseluruhannya, PSO KKR 2021 – 2025 akan menyatukan dan menggerakkan setiap Bahagian dan Unit di Kementerian dan Agensi bagi mencapai visi, misi dan moto yang telah ditetapkan. Pelaksanaan ini akan ditunjangi oleh nilai-nilai bersama yang menjadi amalan seluruh warga kerja KKR.



GLOSARI

ABM

Akademi Binaan Malaysia

Ai

Artificial intelligence

BEI

Building Energy Index

BIM

Building Information Modelling

BGP

Bangunan Gunasama Persekutuan

BPA

Building Performance Assessment

CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

CIS

Centralised Information System

CGSO

Chief Goverment Security Office

CO₂

Carbon Dioxide

CRR

Centralised Regulations Repository

CSR

Central Spine Road

DPJL

Dasar Pembangunan Jalan Raya dan Lebuhraya

DSIN

Dasar Senggara Infrastruktur Negara

EKSA

Ekosistem Kondusif Sektor Awam

ETC

Electronic Toll Collection System

eTNA

Training Need Analysis

GHG

(Green House Gases) Gas Rumah Hijau

HNDP

Highway Network Development Plan

IBS

Industrialised Building System

iCT

Information and Communications Technology

IoT

Internet of Things

IR4.0

Industrial Revolution 4.0

ITS

Intelligent Traffic System

JAR

Jawatankuasa Antirasuah

JIM

Jabatan Imigresen Malaysia

JKR

Jabatan Kerja Raya

KDNK

Keluaran Dalam Negara Kasar

KKR

Kementerian Kerja Raya

KPKR

Ketua Pengarah Kerja Raya

LAM

Lembaga Arkitek Malaysia

LED

Light Emitting Diode

LJBM
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
LJM
Lembaga Jurutera Malaysia
LLM
Lembaga Lebuhraya Malaysia
LPB
Lebuhraya Pan Borneo
MAMPU
Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBJ
Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
MLFF
Multi Lane Free Flow
MoRC
Sistem Pengurusan Aduan Kerosakan Jalan
NCP
National Construction Policy
OACP
Organisational Anti-Corruption Plan
PAM
Pengurusan Aset Menyeluruh
PBC
Performance Based Contract
phJKR
Penarafan Hijau
PLB
Pusat Latihan Bertauliah
PSO
Pelan Strategik Organisasi
PSPSM
Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia
RFID
Radio Frequency Identification
RMK-12
Rancangan Malaysia Ke-12

SCORE
Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor
SHO
Safety Health Officer
SISPAA
Sistem Pengurusan Aduan Awam
SKT
Sasaran Kerja Tahunan
SLFF
Single Lane Free Flow
SOFA
Statement of Final Account
SOP
Prosedur Operasi Standard
SSS
Site Safety Supervisor
TBB
Tenaga Boleh Baharu
TEAMS
Toll Road Evaluation and Management System
TIA
Traffic Impact Assesment
TPATA
Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan
VR
Virtual Reality
WCE
West Cost Expressway
WKB 2030
Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

PASUKAN EDITORIAL

Penasihat

Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin
bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Penyelaras

Dato’ Ahmad Nadzri bin Embong
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Datuk Badrul Hisham bin Mohd
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan
Pembangunan)

Encik Ainul Ridzwan bin Zainudin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Korporat

Editor

Encik Muhammad Isham bin Ismail
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Perancangan Korporat

Puan Mazilah binti Abdul Rahman
Penolong Setiausaha
Bahagian Perancangan Korporat

Encik Mohamad Fariq bin Rabawah
Penolong Setiausaha
Bahagian Perancangan Korporat

Encik Mohamad Farid bin Mohd Aris
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Dasar dan Antarabangsa

Encik Mohamad Nizam bin Mustafa
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Perancang Jalan

Encik Hafizan bin Mohd Salleh
Penolong Setiausaha
Bahagian Perancang Jalan

Encik Muhamad Najib bin Mohamad Nor
Penolong Setiausaha
Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan

Cik Azlinawati binti Abdul Wahab
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Fasiliti

Encik Abd. Aziizul bin Zainuddin
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Fasiliti

Cik Yuslinda binti Mat Yunus
Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Puan Yanooremylana binti Yahya
Ketua Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Koporat

Encik Muhammad Syakir bin Abdul Wahab
Pereka Grafik
Bahagian Perancangan Korporat

SEKALUNG PENGHARGAAN

Pegawai Penyelaras Bahagian dan Agensi

- 1. Puan Nor Saidatul Ihshan binti Mustapha, BPP
- 2. Encik Mohd Khomaieni bin Abdul Rahim, BA
- 3. Puan Fakhrana Hazrina binti Abdul Aziz, UAD
- 4. Encik Syeed Habib Jamil bin Wan Ahmad, UI
- 5. Cik Shazeela binti Ahmad, UI
- 6. Puan Yanooremylana binti Yahya, UKK
- 7. Encik Hafizan bin Mohd Salleh, BPJ
- 8. Encik Chong Wai Fatt, BDA
- 9. Encik Ben-Amie Lim, BDA
- 10. Puan Syamsuziana binti Nawawi, BPF
- 11. Ir. Mohd Zamri bin Abd Manaf, BPF
- 12. Cik Yuslinda binti Mat Yunus, BPSM
- 13. Puan Suhana binti Md Sherif@Md Sharif, BKP
- 14. Cik Hurilain binti Darmawan, BKP
- 15. Cik Nuriana Balkis binti Bahari, BKP
- 16. Puan Norliyana binti Abdul Rapah, BA
- 17. Cik Siti Sarah binti Suhimi, BK
- 18. Puan Raudah binti Sulaiman, BPM
- 19. Encik Fuad Harriz bin Abd Rahim, BPM
- 20. Encik Adlan Hawari bin Razali, BPK
- 21. Encik Syed Fahmi Al Junid bin Syed Shahrom, LLM
- 22. Puan Norzahamawatty binti Md Desa, JKR
- 23. Puan Nor Hazlina binti Abdullah, JKR
- 24. Puan Ainilhusna binti Mohd Sharir, JKR
- 25. Encik Mohammad Nasoha bin Nasri, JKR
- 26. Encik Idrus bin Mat Taha, CIDB
- 27. Encik Muhammad Fariq bin Abd. Hamid, CIDB
- 28. Cik Nurul Hayati binti Khalil, CIDB
- 29. Puan Hidayatul Sa'adiah binti Saad, UKK

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

- 1. Puan Zetty Zabrina binti Azrullah
- 2. Puan Ros Afida binti Abu Kassim
- 3. Puan Shairunniza binti Sarkawi

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- 1. Puan Rohayu binti Ismail @ Hassan
- 2. Puan Fadhillah binti Ab. Bahar

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik Organisasi Kementerian Kerja Raya 2021 – 2025 (PSO KKR 2021 – 2025).

DIREKTORI KEMENTERIAN KERJA RAYA

Kementerian Kerja Raya

☎ : +603 – 8000 8000 | ☎ : +603 – 2711 3320
🌐 : www.kkr.gov.my | ✉ : pro@kkr.gov.my
🐦 : @MOWorks
📘 : www.facebook.com/KementerianKerjaRaya
📺 : Kementerian Kerja Raya Malaysia

Jabatan Kerja Raya

☎ : +603 – 2610 8888 | ☎ : +603 – 2618 8799
🌐 : www.jkr.gov.my | ✉ : komunikasi.jkr@1govuc.gov.my
🐦 : @JKRMalaysia | 📷 : [jkrmalaysia](https://www.instagram.com/jkrmalaysia)
📘 : www.facebook.com/jkr.malaysia
📞 : aduan.jkr@1govuc.gov.my
💬 : JKR "aduan anda" ke 32728

Lembaga Lebuhraya Malaysia

☎ : +603 – 8738 3000 | ☎ : +603 – 8737 3555
🌐 : www.llm.gov.my | ✉ : korporat@llm.gov.my
☎ : 1800 – 88 - 7752
🐦 : @LLMinfotrafik
📘 : www.facebook.com/LembagalebuhrayaMalaysia/

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

☎ : +603 – 4047 7000 | ☎ : +603 – 4047 7070
🌐 : www.cidb.gov.my | ☎ : 03 – 5567 3300
🐦 : @CIDBMALAYSIA | 📷 : CIDB Malaysia
📘 : www.facebook.com/CIDBOfficial/

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

☎ : +603 – 2691 2090 | ☎ : +603 – 2692 5017
🌐 : www.bem.org.my | ✉ : bem1@jkr.gov.my

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

☎ : +603 – 2698 2878 | ☎ : +603 – 2693 6881
🌐 : www.lam.gov.my | ✉ : info@lam.gov.my

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM)

☎ : +603 – 2696 7999 | ☎ : +603 – 2692 5680
🌐 : www.bqsm.gov.my | ✉ : info@bqsm.gov.my